



Serangan Balas Iran-Israel 2025: Kesan Terhadap Keamanan Serantau Dunia

NUR ADILAH AMIRUDDIN^{1,a}, NOOR AIN MOHD NOOR^{2,b}, DR NAZIRAH HAMDAN^{3,c}, MOHAMAD BAZLI MD RADZI^{4,d} DR MOHD ASYRAF YUSOF^{5,e}

¹ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

² Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

³ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

⁴ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

⁵ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^aemail1@uitm.edu.my, ^bemail2@uitm.edu.my

& ^cemail3@uitm.edu.my

Abstrak

Pada 14 Jun 2025 yang lalu dunia telah dikejutkan dengan serangan senjata oleh negara Iran terhadap negara Israel. Konflik bersenjata ini telah mencetuskan kebimbangan besar terhadap kestabilan serantau dan keamanan global. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis punca-punca serangan balas tersebut, termasuk faktor geopolitik, ideologi, dan campur tangan kuasa besar. Serangan berbalas antara kedua-dua negara bukan sahaja meningkatkan ketegangan di Timur Tengah, malah memberi kesan domino kepada negara-negara jiran, pasaran tenaga global, serta hubungan kuasa-kuasa dunia seperti Amerika Syarikat, Rusia dan China. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan iaitu merujuk kepada laporan media, kenyataan rasmi kerajaan dan analisis pakar dalam bidang. Hasil kajian mendapati campur tangan kuasa besar dunia meningkatkan risiko perang proksi contohnya seperti Amerika Syarikat secara terang-terangan menyatakan sokongan terhadap Israel, manakala Rusia dan Pakistan pula ada mengeluarkan kenyataan menyokong dan sedia membantu Iran. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa pendekatan diplomatik dan mekanisme campur tangan antarabangsa bagi meredakan konflik bagi memulihkan keamanan sejagat. Jika tidak, tanpa penyelesaian tuntas dan kerjasama global yang efektif, konflik Iran-Israel berisiko menjadi pencetus ketidakstabilan jangka panjang di peringkat serantau dan antarabangsa.

Keywords: *Iran, Israel, Perang, Dunia, Politik*

1. Pengenalan

Islam merupakan sebuah agama yang harmoni dan sangat menekankan tentang keamanan. Begitu banyak dalil yang mengajarkan kita supaya berdoa, berusaha serta bekerjasama demi mencapai keamanan bersama. Antaranya Allah SWT menceritakan tentang sebahagian kisah Nabi Ibrahim AS berdoa meminta keamanan daripadanya:

Maksud: *Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki daripada buah-buahan kepada penduduknya yang beriman diantara mereka kepada Allah dan hari kemudian.*

(Al-baqarah 2: 126)

Secara literalnya, umat Islam dapat mengambil iktibar tentang kepentingan berdoa meminta keamanan. Bahkan, mencintai kewanitaan itu adalah fitrah setiap manusia, tiada manusia yang dilahirkan dengan kebencian terhadap keamanan. Mutakhir ini, konflik antara negara-negara di dunia semakin meruncing. Sebahagian berpendapat bahawa konflik tersebut merupakan konflik agama antara Islam dan Yahudi kerana ia bermula sejak tanggal 7 Oktober 2023 yang lalu apabila Hamas yang merupakan salah satu kumpulan pejuang di Palestin telah memulakan serangan secara besar-besaran terhadap Israel yang dinamakan sebagai *Taufan Al-Aqsa* pada ketika itu sekaligus mendorong Israel untuk melakukan serangan balas terhadap Palestin (Sinar Harian, 2023). Bahkan, sehingga saat kajian ini dijalankan serangan tersebut masih lagi belanjutan (Berita RTM, 2025). Rentetan daripada serangan Israel terhadap Palestin tersebut, secara tidak langsung beberapa buah negara lain telah melakukan tindak balas sebagai menyatakan pendirian masing-masing terhadap konflik tersebut antaranya termasuklah negara Yaman, Iran dan Amerika Syarikat (Berita RTM, 2025). Hal ini menjadikan konflik Timur Tengah semakin rumit ditambah pula dengan campur tangan dari Amerika Syarikat yang merupakan sekutu kuat Israel. Konflik bersenjata antara Iran dan Israel yang tercetus pada Jun 2025 apabila Israel mula menyerang Iran dengan alasan untuk menggagalkan usaha pembinaan bom nuklear oleh Iran. Israel telah menyasarkan kemudahan nuklear di Natanz, kilang peluru berpandu, serta ibu pejabat Kor Pengawal Revolusi Iran (IRGC) di Tehran (Astro Awani, 2025). Serangan tersebut dinamakan sebagai 'Operation Rising Lion' telah membangkitkan kebimbangan mendalam dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Serangan balas yang



dilancarkan oleh Iran sebagai tindak balas terhadap serangan Israel ke atas fasiliti nuklear utamanya menandakan lonjakan baharu dalam ketegangan geopolitik di Asia Barat. Insiden ini bukan sahaja menggugat kestabilan rantau tersebut, malah turut memberi impak besar terhadap keselamatan global, rantaian bekalan tenaga dunia, sertaimbangan kuasa dalam sistem antarabangsa (Buletin TV3, 2025). Antara perkara yang tidak dapat dinafikan adalah setiap serangan yang dilakukan tanpa mengira dari blok mana, ia akan memberi kesan terhadap pelbagai aspek antaranya termasuklah dari sudut politik, ekonomi, sosial dan juga keselamatan. Apatah lagi jika negara yang terlibat dalam peperangan tersebut mempunyai kekuatan luar biasa seperti Iran yang dikatakan mempunyai teknologi menguruskan nuklear (Al-Jazeera, 2025).

2. Objektif Kajian

Kajian ini menyasarkan kepada objektif yang berikut:

1. Mengelpasti anjuran Islam tentang konsep keamanan.
2. Mengkaji faktor serangan balas senjata antara Iran dan Israel.
3. Menganalisis kesan-kesan peperangan Iran-Israel 2025.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan dan kajian kes bagi memahami kesan konflik Iran-Israel 2025. Data sekunder diperoleh melalui pelbagai sumber seperti laporan berita antarabangsa, kenyataan rasmi pemimpin negara, laporan ekonomi dan analisis dasar oleh institusi strategik. Sumber utama termasuk artikel dan laporan daripada *Sinar Harian* (2025), *Berita RTM* (2025), *Astro Awani* (2025), serta laporan media antarabangsa seperti *Al-Jazeera* (2025), *New York Post* (2025) dan *ISRS* (2025). Analisis kandungan bagi kajian ini pula akan dijalankan secara tematik dan deskriptif di mana isu-isu utama akan dianalisis mengikut subtopik tertentu seperti ekonomi, politik dan sosial. Kemudian setiap subtopik itu akan diulas dan dibincang menggunakan kaedah deskriptif melalui rujukan-rujukan terkini.

4. Hasil Kajian

Kurang daripada dua hari selepas serangan Israel, Iran telah membalas serangan tersebut dengan melancarkan peluru berpandu serta dron ke pelbagai sasaran strategik di wilayah Israel termasuk Tel Aviv (Mstar, 2025). Walaupun majoriti serangan berjaya dipintas sistem pertahanan Iron Dome, beberapa lokasi utama tetap terkesan, termasuk kemudahan awam seperti Pusat Perubatan Soroka di Beersheba (Kosmo, 2025). Menariknya, Iran memilih untuk tidak mengaktifkan kumpulan proksi seperti Hezbollah atau Hamas, menunjukkan pendekatan berhati-hati dan terkawal demi mengelakkan konflik serantau yang lebih meluas (New York Post, 2025).

Kesan Sosial dan Politik Dalam Negara Iran

Konflik ini telah memperlihatkan kesan besar terhadap struktur sosial dan kestabilan politik dalaman Iran. Kementerian Kesihatan Iran melaporkan lebih 600 kematian dalam kalangan orang awam, sementara serangan ketenteraan Israel turut mengorbankan dua tokoh penting dalam pasukan Pengawal Revolusi Iran iaitu Jeneral Hossein Salami dan Mohammad Bagheri (Financial Times, 2025). Insiden ini telah mencetuskan pergolakan antara golongan reformis dan konservatif sekaligus menjejaskan kredibiliti kepimpinan kerajaan dalam menangani krisis keselamatan nasional. Kematian tokoh-tokoh besar Iran akibat peperangan ini dipercayai didalangi oleh ejen perisikan Israel isitu Mossad yang akhirnya kerajaan Iran telah mengambil keputusan untuk mengenakan hukuman gantung sampai mati terhadap perisik-perisik tersebut (Buletin TV3, 2025). Sebahagian berpendapat bahawa peperangan ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi strategi dan ketahanan ketenteraan Iran kerana pengalaman berhadapan dengan Israel dan Amerika Syarikat memberi pengajaran politik buat Iran.

Kesan Terhadap Ekonomi dan Respon Dunia Serantau

Ketegangan Iran-Israel menyebabkan peningkatan ketara dalam harga minyak mentah dunia, yang melonjak lebih 10% dalam tempoh seminggu. JPMorgan memberi amaran bahawa harga minyak mungkin mencecah USD130 setong sekiranya konflik berlanjutan (Business Insider, 2025). Salah satu kebimbangan utama ialah kemungkinan gangguan kepada laluan penghantaran tenaga melalui Selat Hormuz yang merupakan pintu penting bagi hampir 20% eksport minyak global. Ketidakstabilan ini memburukkan lagi tekanan inflasi dan risiko kemelesetan dalam pasaran negara membangun (Focus Economics, 2025). Negara-negara jiran seperti Jordan dan Syria turut merasai kesan tidak langsung apabila beberapa peluru berpandu melalui ruang udara mereka, mencetuskan kebimbangan keselamatan domestik. Malaysia, sebagai negara pengguna tenaga utama, menggesa semua pihak supaya menamatkan permusuhan dan



menekankan kepentingan kestabilan harga minyak kepada ekonomi Asia Tenggara (RTM, 2025). Sementara itu, Australia mengenakan sekatan tambahan terhadap Iran sebagai tindak balas terhadap serangan peluru berpandu tersebut (Astro Awani, 2025).

5. Kesimpulan

Konflik bersenjata antara Iran dan Israel pada tahun 2025 mencerminkan risiko besar terhadap keamanan serantau dan kestabilan antarabangsa. Serangan balas Iran memperlihatkan dinamika kuasa baharu dalam hubungan antarabangsa serta memperkuatkan keperluan terhadap diplomasi multilateral yang lebih efektif. Negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, harus memainkan peranan lebih aktif dalam menyokong kestabilan tenaga serantau, memperkukuh kerjasama keselamatan, dan mengembangkan rangka kerja diplomasi yang mampan dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks. Menurut Prof Emeritus Dr Mohd Nazari Ismail yang merupakan Pengarah Pusat Pengajian Palestin Hashim Sani di Universiti Malaya (2025) jika konflik Iran-Israel ini berterusan pelbagai kesan buruk lagi akan terjadi antaranya termasuklah angka kematian awam yang akan terus meningkat, pasaran serta ekonomi dunia akan terjejas dan usaha diplomatik juga semakin terganggu (Sinar Harian, 2025).

Rujukan

- Astro Awani. (2025). Australia umum sekatan baharu terhadap Iran susulan serangan peluru berpandu ke atas Israel. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/australia-umum-sekatan-baharu-terhadap-iran-susulan-serangan-peluru-berpandu-ke-atas-israel-491850> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Business Insider. (2025). JPMorgan lays out a worst-case scenario for Israel-Iran that could send oil prices spiking 75%. <https://www.businessinsider.com/iran-strikes-oil-price-forecast-israel-brent-wti-outlook-jpmorgan-2025-6> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Financial Times. (2025). Iran at the precipice: Reformists under fire after military loses top commanders. <https://www.ft.com/content/858b354e-c9ce-4ea0-b4cf-f0989d1ea18c> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Focus Economics. (2025). Economic impact of Iran-Israel war on oil prices and global inflation. <https://www.focus-economics.com/blog/economic-impact-iran-israel-conflict-2025> dicapai pada 22 Julai 2025.
- ISRS. (2025). Flashpoint Briefing: Israel–Iran Escalation – Strategic Risk Assessment. <https://www.isrs.ngo/fpb/flashpoint-briefing-israel-iran-escalation-strategic-risk-assessment> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Kosmo. (2025). Serangan balas Iran tiada batasan. <https://www.kosmo.com.my/2025/06/13/serangan-balas-iran-tiada-batasan/> dicapai pada 22 Julai 2025.
- New York Post. (2025). Iran’s ‘Axis of Resistance’ remains silent amid direct clash with Israel. <https://nypost.com/2025/06/19/world-news/irans-axis-of-resistance-are-keeping-out-of-the-fight-with-israel-experts/> dicapai pada 22 Julai 2025.
- RTM. (2025). Jejas kestabilan tenaga serantau, Anwar gesa dunia desak Israel hentikan serangan. <https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-artikel/jejas-kestabilan-tenaga-serantau%2C-anwar-gesa-dunia-desak-israel-hentikan-serangan> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Sinar Harian. (2025). [KRONOLOGI] Kebangkitan Palestin lawan kekejaman Israel <https://www.sinarharian.com.my/article/283421/global/kronologi-kebangkitan-palestin-lawan-kekejaman-israel> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Berita RTM. (2025). Israel guna kebuluran sebagai senjata perang penduduk Gaza – UNRWA <https://berita.rtm.gov.my/dunia/senarai-berita-dunia/senarai-artikel/israel-guna-kebuluran-sebagai-senjata-perang-penduduk-gaza-unrwa> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Berita RTM. (2025). Yaman serang Israel secara bersama dengan Iran <https://berita.rtm.gov.my/dunia/senarai-berita-dunia/senarai-artikel/yaman-serang-israel-secara-bersama-dengan-iran> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Buletin TV3. (2025). Perang Iran-Israel Sebabkan Kos Logistik Meningkat 3 Kali Ganda. <https://www.buletintv3.my/nasional/perang-iran-israel-sebabkan-kos-logistik-meningkat-3-kali-ganda/> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Al-Jazeera. (2025). What’s next for Iran’s nuclear programme? <https://www.aljazeera.com/news/2025/6/26/whats-next-for-irans-nuclear-programme> dicapai pada 22 Julai 2025.
- Mstar. (2025). Iran lancar serang balas ke atas Tel Aviv, penduduk diarah berpindah <https://www.mstar.com.my/global/dunia/2025/06/14/iran-lancar-serang-balas-ke-atas-tel-aviv-penduduk-diarah-berpindah> dicapai pada 22 Julai 2025.



Buletin TV3. (2025). Iran Hukum Gantung Perisik Mossad Israel. <https://www.buletintv3.my/dunia/iran-hukum-gantung-perisik-mossad-israel/> dicapai pada 22 Julai 2025.

Sinar Harian. (2025). Konflik Iran-Israel: ini yang perlu anda tahu. <https://www.sinarharian.com.my/article/733861/global/konflik-iran-israel-ini-yang-perlu-anda-tahu-setakat-ini> dicapai pada 22 Julai 2025.

Astro Awani. (2025). Israel serang Iran: Apa yang kita tahu setakat ini. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/israel-serang-iran-apa-yang-kita-tahu-setakat-ini-524896> dicapai pada 22 Julai 2025.